

**PRU**Lady sentiasa di sisi anda  
sepanjang hayat.





## Membeli Harta

Wow! Lagi sekali! Anda menempah kejayaan lagi.

## Perkahwinan

Hari bahagia anda! Mulakan perjalanan hidup baru dengan pasangan tercinta.



**PRU**Lady  
sentiasa di sisi anda  
sepanjang hayat.



## Melahirkan Anak

Titisan air mata gembira menerima kehadiran ahli keluarga baru.

## Persaraan

Akhirnya anda boleh berehat dan menikmati persaraan anda.



# PRULady memahami keperluan anda dalam lembaran hidup yang berbeza.

## **PRULady menampilkan potensi anda...**

Sebagai wanita hari ini, anda seorang yang berdikari, bijak dan mempunyai arah tujuan yang jelas dalam menentukan takdir dan impian anda. Anda lebih berpendidikan serta mempunyai lebih banyak kuasa ekonomi dan profesional!

## **PRULady memahami sentimen anda...**

Kasih sayang, persahabatan, dan tinggal bersama yang tercinta, itulah yang paling penting, yang memberikan anda kepuasan diri dan kebahagiaan abadi. Anda sentiasa memikul tanggungjawab untuk memberikan kehidupan yang terbaik untuk keluarga anda!

## **PRULady memahami keperluan anda...**

Anda membuka jalan anda dan menentukan hala tuju anda sendiri. Anda mungkin merancang untuk mencari teman sejiwa bagi membina sebuah keluarga bahagia, atau anda mungkin memutuskan untuk menjadi ahli perniagaan yang terunggul. Setiap peringkat hidup anda merupakan suatu lembaran baru, suatu transformasi pengalaman. Anda berusaha sedaya upaya untuk memastikan segalanya dirancang dengan rapi dan musibah yang mungkin menimpa tidak akan memusnahkan impian anda.

Untuk menikmati kehidupan anda sepenuhnya dengan minda yang tenang, anda hendaklah membuat keputusan yang bijak hari ini dengan membuat perancangan awal bagi menghadapi sebarang ketidakpastian, ibarat menyediakan payung sebelum hujan.

**PRULady** meraikan bersama sepanjang perjalanan hidup anda dan melenyapkan kebimbangan anda sebagai seorang wanita.



# » Pelan insurans peribadi untuk wanita dari segenap lapisan hidup.

Kami memahami bahawa setiap wanita adalah unik dengan caranya yang tersendiri, justeru itu, kami membawa khas **PRULady** kepada anda untuk memenuhi keperluan anda yang berubah di lembaran hidup anda yang berbeza.

## **Manfaat PRULady sepintas lalu:**

- Melindungi pelbagai jenis **penyakit berkaitan wanita** dan penyakit berkaitan usia.
- Melindungi komplikasi kehamilan dan penyakit kongenital.
- **Ciri "Bounce-Back" untuk Jumlah Diinsuranskan** bagi Karsinoma-in-situ wanita.
- **Ganjaran Tunai untuk Manfaat Perubahan Hidup** pada peristiwa hidup yang berbeza, sehingga maksimum **9% daripada jumlah diinsuranskan** bagi setiap polisi.
- **Bayaran balik 100% jumlah premium yang dibayar\*** apabila matang.

*\*Sila rujuk halaman Manfaat bagi ciri-ciri maklumat penting dan senarai penuh terma dan syarat.*



# » Mengenai PRULady

## Apa itu PRULady?

PRULady adalah pelan insurans hayat tradisional tanpa penyertaan dengan premium tetap yang menyediakan perlindungan daripada kegawatan kewangan yang timbul akibat penyakit - penyakit berkaitan wanita, kematian atau hilang upaya sehingga Ulang Tahun Polisi umur 70 tahun pada hari jadi akan datang. Selain itu, ia juga membayar Manfaat Perubahan Hidup untuk pelbagai peristiwa hidup. Apabila matang, 100% jumlah premium yang telah anda bayar (Tidak termasuk premium tambahan yang dikenakan untuk hayat sub-standard dan cukai, jika berkenaan) akan dikembalikan kepada anda. Di samping itu, ia juga melindungi semua bakal ibu daripada komplikasi kehamilan dan anak mereka daripada anomali kongenital.

## Siapa yang boleh menyertai pelan ini?

PRULady adalah untuk wanita yang berumur di antara 17 hingga 45 tahun hari lahir berikut.

## Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza mengikut umur dan pelan yang dipilih, tertakluk kepada pengunderaitan. Sila rujuk Lampiran Keterangan Produk dan Ilustrasi Jualan untuk premium yang perlu dibayar dalam tempoh polisi.

Anda mestilah memberitahu kami mengenai sebarang perubahan pada pekerjaan, kegemaran atau aktiviti sukan kerana ia boleh mempengaruhi premium, syarat-syarat dan manfaat-manfaat berkaitan.

## Bagaimana premium dibayar?

Premium hendaklah dibayar sepanjang tempoh polisi. Premium boleh dibayar secara tahunan, setengah tahunan, suku tahunan atau bulanan secara Debit Terus, Kad Kredit, Tunai atau Cek.

## Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Caj serahan akan dikenakan jika anda menyerahkan balik polisi anda sebelum akhir tempoh polisi. Sila rujuk Ilustrasi Jualan untuk caj serahan dan nilai serahan.

## Apakah terma dan syarat penting yang patut saya ketahui?

1. **Tempoh Ihsan:** Jika anda tidak membayar premium dalam tempoh ihsan satu bulan dan polisi anda tidak mengumpul apa-apa nilai tunai, polisi anda akan luput.
2. **Skim Pinjaman Premium Automatik:** Jika polisi anda mengumpul nilai tunai yang mencukupi dan anda tidak dapat membayar premium, kami secara automatik akan membayar premium bagi pihak anda di bawah Skim Pinjaman Premium Automatik. Anda akan terus menikmati manfaat di bawah polisi ini. Polisi ini akan tamat apabila pinjaman premium berserta faedah adalah lebih tinggi daripada nilai tunainya.

# » Manfaat

Pelan	1	2	3	4
<b>Jumlah Diinsuranskan Asas</b>	<b>25,000</b>	<b>50,000</b>	<b>75,000</b>	<b>100,000</b>
<b>Manfaat Kematian &amp; Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD)</b>	<b>100%</b> daripada Jumlah Diinsuranskan Asas <sup>1</sup>			
<b>Manfaat Penyakit Berkaitan Wanita</b>	<b>100%</b> daripada Jumlah Diinsuranskan Asas <sup>1</sup>			
i) Kanser Wanita <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kanser payudara, uteri serviks, tiub fallopio, ovario, uterus atau faraj/vulva; atau</li> </ul>				
ii) Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk.				
iii) Karsinoma-in-situ Wanita <ul style="list-style-type: none"> <li>• Karsinoma-in-situ payudara, uteri serviks, tiub fallopio, ovari, uterus atau faraj/vulva.</li> </ul>	<b>50%</b> daripada Jumlah Diinsuranskan Asas, hanya sekali tuntutan.			
<b>Ciri "Bounce-Back" untuk Jumlah Diinsuranskan bagi Karsinoma-in-situ Wanita: Jumlah Diinsuranskan Asas yang dikurangkan akan berbalik kepada Jumlah Diinsuranskan Asas yang asal selepas enam (6) bulan dari tarikh diagnosis Karsinoma-in-situ Wanita.<sup>2</sup></b>				
<b>Manfaat Pemulihan</b>	<b>30%</b> daripada Jumlah Diinsuranskan Asas bagi setiap tuntutan.  Tertakluk kepada maksimum <b>2</b> tuntutan dan hanya <b>1</b> tuntutan per kategori.			
i) Patah Tulang akibat Osteoporosis; ii) Arthritis Reumatoid; iii) Pembedahan Pembentukan Semula Muka Akibat Kanser atau Kemalangan; iv) Pemindahan Kulit Akibat Melecur atau Kanser Kulit; v) Lumpektomi Payudara atau Mastektomi Akibat Karsinoma-in-situ, Kanser atau Kemalangan; vi) Pembedahan Pembentukan Semula Payudara Selepas Mastektomi Akibat Karsinoma-in-situ, Kanser atau Kemalangan; atau vii) Pembedahan Organ Reproduksi Wanita Akibat Karsinoma-in-situ, Kanser atau Kemalangan.				
<b>Manfaat Penjagaan Kehamilan</b>	<b>10%</b> daripada Jumlah Diinsuranskan Asas, hanya sekali tuntutan.			
i) Koagulasi Intravaskular Tersebar (selepas 7 bulan mengandung); ii) Kehamilan Ektopik; iii) Mol Hidatiform; iv) Eklampsia; v) Keguguran yang Lewat (selepas minggu ke-18 sehingga minggu ke-28 kehamilan); vi) Kematian Janin (selepas minggu ke-28 kehamilan); atau vii) Kematian Anak (dalam 30 hari selepas kelahiran).				
<b>Manfaat Penjagaan Bayi</b>	<b>10%</b> daripada Jumlah Diinsuranskan Asas, hanya sekali tuntutan.			
i) Kecacatan Septum Ventrikel memerlukan pembedahan; ii) Kecacatan Septum Atrium memerlukan pembedahan; iii) Sindrom Down; iv) Spina Bifida; v) Tetralogi Fallot; vi) Sumbing Bibir dengan / tanpa Sumbing Lelangit memerlukan pembedahan; vii) Transpososisi Salur Darah Utama; atau viii) Duktus Arteriosus Terbuka memerlukan pembedahan.				
<b>Manfaat Perubahan Hidup</b>	Tertakluk kepada maksimum <b>9%</b> dari Jumlah Diinsuranskan Asas; i) <b>3%</b> daripada Jumlah Diinsuranskan Asas; ii) <b>3%</b> daripada Jumlah Diinsuranskan Asas bagi setiap kelahiran anak, boleh dituntut sehingga 3 Kali; iii) <b>3%</b> daripada Jumlah Diinsuranskan Asas; iv) Sehingga <b>9%</b> daripada Jumlah Diinsuranskan Asas; v) Sehingga <b>9%</b> daripada Jumlah Diinsuranskan Asas.			
<b>Manfaat Bayaran Balik Wang</b>	100% jumlah premium yang dibayar akan dipulangkan pada tempoh matang. (Tidak termasuk premium tambahan yang dikenakan untuk hayat sub-standard dan cukai, jika berkenaan).			

Nota:

- Polisi ini akan tamat selepas anda membuat tuntutan bagi Kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) Menyeluruh, Kanser Wanita atau Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk.
- <sup>1</sup>Apabila Kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD), Kanser Wanita atau Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk, sekiranya jumlah premium yang dibayar (Tidak termasuk premium tambahan yang dikenakan untuk hayat sub-standard dan cukai, jika berkenaan) adalah lebih daripada Jumlah Diinsuranskan Asas, kami akan memulangkan jumlah premium yang dibayar (Tidak termasuk premium tambahan yang dikenakan untuk hayat sub-standard dan cukai, jika berkenaan) dan bukannya Jumlah diinsuranskan Asas.
- <sup>2</sup>Jika Kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD), Kanser Wanita atau Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk berlaku dalam tempoh 6 bulan dari tarikh diagnosis Karsinoma-in-situ Wanita, jumlah yang dibayar akan dikurangkan sebanyak 50% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas. Jika Kematian, Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD), Kanser Wanita atau Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk berlaku selepas tempoh 6 bulan dari tarikh diagnosis Karsinoma-in-situ Wanita, jumlah yang dibayar seperti yang dinyatakan di atas.
- Tuntutan untuk Manfaat Pemulihan, Manfaat Penjagaan Kehamilan, Manfaat Penjagaan Bayi dan Manfaat Perubahan Hidup TIDAK akan mengurangkan Jumlah Diinsuranskan Asas.
- Manfaat Penjagaan Kehamilan dan Manfaat Penjagaan Bayi akan terhenti apabila Hayat Yang Diinsuranskan mencapai umur 50 tahun.
- Tuntutan yang boleh dituntut sekali sahaja dibawah Manfaat Perubahan Hidup, kecuali melahirkan anak. Bagi Manfaat Persaraan atau Kematian Pasangan, kami akan membayar 9% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas tolak apa-apa manfaat perubahan hidup yang telah dibayar sebelumnya.

## Apakah Tempoh Menunggu dan Tempoh Hidup yang perlu anda ketahui?

Manfaat	Tempoh Menunggu	Tempoh Hidup
<b>Manfaat Penyakit Berkaitan Wanita</b>		
(i) Kanser Wanita	(i) 60 hari	Tiada
(ii) Lupus Eritematosus Sistemik dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk	(ii) 30 hari	
(iii) Karsinoma-in-situ Wanita	(iii) 60 hari	
<b>Manfaat Pemulihan</b>		
(i) Jika keadaan, pembedahan atau rawatan adalah disebabkan oleh Kanser atau Karsinoma-in-situ	(i) 60 hari	(i) 7 hari
(ii) Lain-lain	(ii) Tiada	(ii) Tiada
<b>Manfaat Penjagaan Kehamilan</b>	1 tahun	Tiada
<b>Manfaat Penjagaan Bayi</b>	1 tahun	Tiada
<b>Manfaat Perubahan Hidup</b>		
(i) Kematian Pasangan	(i) Tiada tempoh menunggu bagi Kematian Pasangan.	Tiada
(ii) Persaraan	(ii) Manfaat persaraan boleh dituntut pada umur 55 tahun ke atas.	
(iii) Lain-lain	(iii) Polisi ini mestilah berkuat kuasa secara berterusan sekurang-kurangnya 1 tahun dari tarikh efektif Polisi ini atau tarikh penguatkuasaan semula polisi mana-mana yang kemudian; dan <ol style="list-style-type: none"> <li>anda telah membayar premium sekurang-kurangnya 2 tahun penuh, sebelum tuntutan pertama;</li> <li>anda telah membayar premium sekurang-kurangnya 4 tahun penuh, sebelum tuntutan kedua; dan</li> <li>anda telah membayar premium sekurang-kurangnya 6 tahun penuh, sebelum tuntutan ketiga.</li> </ol>	

Nota:

Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk Dokumen Polisi untuk senarai penuh terma dan syarat di bawah polisi ini.

# » Ilustrasi Tuntutan

## Senario tuntutan 1:

Sally ialah seorang pelanggan wanita yang berumur 25 tahun. Dia membeli **PRULady** Pelan 2 dengan Jumlah Diinsuranskan RM50,000 yang bermula pada 1 Januari 2014.

1 Jun  
2016

... Sally akan melangsungkan perkahwinannya! Beliau akan menerima jumlah pembayaran sebanyak RM1,500 (3%)\* kerana peristiwa ini termasuk dibawah Manfaat Perubahan Hidup.

1 Jun  
2017

... Hari ini, Sally mengalami keguguran lewat penggal. Keguguran lewat penggal termasuk dibawah Manfaat Penjagaan Kehamilan, dimana jumlah yang akan dibayar sebanyak RM5,000 (10%)\* dari pelan insuransya.

1 Sept  
2018

... Sally telah melahirkan anak pertama! Dan dia akan menerima jumlah pembayaran sebanyak RM1,500 (3%)\*, kerana peristiwa ini termasuk dibawah Manfaat Perubahan Hidup.

... Tanpa diduga, anaknya dilahirkan dengan bibir sumbing dan memerlukan pembedahan pada bahagian sumbing tersebut. Jumlah sebanyak RM5,000 (10%)\* akan diberikan kepada Sally untuk manfaat pembedahan pada Sumbing Bibir dengan / tanpa Sumbing Lelangit, yang turut termasuk dibawah Manfaat Penjagaan Bayi.

1 Jan  
2021

... Akhirnya, Sally membeli harta pertamanya! Dia akan menerima jumlah pembayaran sebanyak RM1,500 (3%)\*, kerana membeli hartanah juga merupakan salah satu manfaat dibawah Manfaat Perubahan Hidup.

1 Jan  
2022

... Setahun selepas Sally membeli hartanah pertamanya, dia didiagnosis dengan Karsinoma-in-situ Wanita<sup>3</sup>. Beliau akan menerima jumlah sebanyak RM25,000 (50%)\*, kerana Karsinoma-in-situ Wanita termasuk dibawah Manfaat Penyakit Berkaitan Wanita.

1 Dis  
2022

(Selepas 6 bulan daripada tarikh diagnosis Karsinoma-in-situ)

... Keadaan Sally menjadi lebih teruk dan dia disahkan menghidap kanser payudara wanita. Beliau akan menerima jumlah pembayaran sebanyak RM50,000 (100%) kerana kanser payudara wanita termasuk dibawah Manfaat Penyakit Berkaitan Wanita. Dia juga akan menerima jumlah pembayaran sebanyak RM15,000 (30%)\* bagi setiap kategori Manfaat Pemulihan, termasuk lumpektomi payudara atau mastektomi dan pembedahan pembentukan semula payudara selepas mastektomi.

\*Peratusan Jumlah Asas yang Diinsuranskan

<sup>3</sup>Jumlah Diinsuranskan Asas akan berbalik kepada Jumlah Diinsuranskan Asas asal selepas 6 bulan dari tarikh diagnosis Karsinoma-in-situ.

<sup>4</sup>Apabila tuntutan dibuat untuk Manfaat Kanser Wanita, jika anda belum membuat maksimum dua tuntutan di bawah Manfaat Pemulihan, kami akan membayar anda Manfaat Pemulihan bersama dengan Manfaat Kanser Wanita.



## Senario tuntutan 2:

Jane ialah seorang pelanggan wanita yang berumur 35 tahun. Dia membeli **PRULady** Pelan 4 dengan Jumlah Diinsuranskan RM100,000 yang bermula pada 1 Januari 2014.

**1 Feb  
2016**

Jane membeli harta pada hari ini. Dia akan menerima jumlah pembayaran sebanyak RM3,000 (3%)\*, kerana membeli hartanah termasuk dibawah Manfaat Perubahan Hidup.

**1 Feb  
2034**

Akhirnya Jane menikmati hari persaraannya, kerana persaraan<sup>5</sup> adalah termasuk dibawah Manfaat perubahan Hidup, Jane akan menerima jumlah pembayaran sebanyak RM6,000 (6%)\*.

**1 Mac  
2034**

Jane didiagnoskan Karsinoma-in-situ Wanita<sup>6</sup>. Dia akan mendapat jumlah pembayaran sebanyak RM50,000 (50%)\* kerana Karsinoma-in-situ Wanita termasuk dibawah Manfaat Penyakit Berkaitan Wanita. Oleh kerana itu, Jane akan menjalani pembedahan lumpektomi payudara. Dia juga akan menerima jumlah pembayaran sebanyak RM30,000 (30%\*), kerana lumpektomi payudara atau mastektomi termasuk dibawah Manfaat Pemulihan.

**1 Jun  
2034**

(Dalam tempoh 6 bulan daripada tarikh diagnosis Karsinoma-in-situ)

Jane kini disahkan menghidap kanser payudara wanita<sup>7</sup> dan diberi jumlah pembayaran sebanyak RM50,000 (50%)\* kerana kanser payudara wanita termasuk dibawah Manfaat Penyakit Berkaitan Wanita. Dia juga akan menerima jumlah pembayaran sebanyak RM30,000 (30%)\*, untuk pembedahan pembentukan semula payudara selepas mastektomi yang termasuk dibawah Manfaat Pemulihan.

### \*Peratusan Jumlah Asas yang Diinsuranskan

<sup>5</sup>Bagi Persaraan atau Kematian Pasangan, kami akan membayar 9% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas tolak apa-apa Manfaat Perubahan Hidup yang telah dibayar sebelumnya.

<sup>6</sup>Manfaat Kanser Wanita yang berlaku dalam tempoh 6 bulan dari tarikh diagnosis Karsinoma-in-situ, jumlah yang dibayar akan dikurangkan sebanyak 50% daripada Jumlah Diinsuranskan Asas.

<sup>7</sup>Apabila tuntutan dibuat untuk Manfaat Kanser Wanita, jika sebelum ini anda telah membuat tuntutan di bawah Manfaat Pemulihan dimana setiap kategori hanya boleh dituntut sekali, kami hanya akan membayar manfaat yang tinggal dibawah Manfaat Pemulihan bersama dengan Manfaat Kanser Wanita.

### Nota:

Contoh di atas hanya bagi tujuan penjelasan sahaja. Manfaat di atas akan tertakluk kepada Tempoh menunggu dan Tempoh hidup. Sila rujuk Dokumen Polisi untuk terma dan syarat terperinci.

# » Pengecualian

- 1) Kami tidak akan membayar Manfaat Kematian jika ia disebabkan oleh atau berkaitan dengan pembunuhan diri dalam tempoh tahun pertama dari tarikh efektif Polisi ini atau tarikh penguatkuasaan semula polisi yang mana kemudian. Kami hanya akan memulangkan semua premium yang dibayar untuk Polisi ini tanpa faedah. Kami juga tidak akan membayar sebarang manfaat kematian pasangan bagi hayat diinsuranskan (dibawah Manfaat Perubahan Hidup) jika ia disebabkan oleh pembunuhan diri dalam tempoh tahun pertama dari tarikh efektif Polisi atau tarikh penguatkuasaan semula polisi yang mana kemudian.
- 2) Kami tidak akan membayar sebarang Manfaat di bawah Polisi ini bagi sebarang keadaan, penyakit, kecederaan atau keadaan yang disebabkan oleh berkaitan dengan mana-mana daripada yang berikut:
  - a) Sebarang kecederaan diri yang disengajakan atau penyakit yang disengajakan, sama ada diakibatkan semasa siuman atau tidak siuman;
  - b) Sebarang kecederaan atau penyakit yang disebabkan oleh peperangan, pencerobohan, tindakan permusuhan musuh asing (sama ada peperangan pasangannya diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kuasa tentera atau rampasan kuasa, penyertaan langsung dalam rusuhan, mogok atau kekacauan awam;
  - c) Kewujudan Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau oleh kehadiran sebarang jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) ;
  - d) Sebarang pembedahan yang anda pilih untuk jalani dan bukannya perlu dari segi perubatan (sama ada kosmetik, plastik atau selainnya) melainkan kami melindunginya di bawah Polisi ini;
  - e) Jika Hayat Yang Diinsuranskan melanggar atau cuba melanggar undang-undang atau menentang daripada ditahan;
  - f) Penyalahgunaan atau ketagihan alkohol atau bahan;
  - g) Kecederaan atau penyakit yang timbul daripada sukan profesional, sebarang jenis perlumbaan, selam skuba, aktiviti sukan udara seperti peluncuran gantung, menaiki belon udara dan sebarang aktiviti atau sukan berbahaya lain, melainkan kami bersetuju yang berlainan dalam endorsemen khas; atau
  - h) Gabungan nuklear, pembelahan nuklear, sisa nuklear atau sebarang radioaktif atau pengionan radiasi.
- 3) Kami tidak akan membayar Manfaat Perubahan Hidup bagi Perkahwinan, Melahirkan Anak atau Membeli Hartanah melainkan jika
  - a) Polisi ini telah berkuat kuasa lebih dari satu tahun selepas tarikh efektif Polisi ini atau tarikh penguatkuasaan semula polisi yang mana kemudian;
  - b) Anda telah membayar sekurang-kurangnya premium 2 tahun penuh, sebelum tuntutan pertama Manfaat Perubahan Hidup;
  - c) Anda telah membayar sekurang-kurangnya premium 4 tahun penuh, sebelum tuntutan kedua Manfaat Perubahan Hidup; dan
  - d) Anda telah membayar sekurang-kurangnya premium 6 tahun penuh, sebelum tuntutan ketiga Manfaat Perubahan Hidup.
- 4) Kami tidak akan membayar sebarang manfaat untuk komplikasi kehamilan dan anomali kongenital yang dilindungi di bawah Manfaat Penjagaan Kehamilan dan Manfaat Penjagaan Bayi masing-masing jika:
  - a) Hayat Yang Diinsuranskan memilih untuk menamatkan kehamilan selain daripada kerana sebab-sebab perubatan; atau
  - b) Kehamilan hasil daripada rawatan kesuburan, termasuk persenyawaan in-vitro.
- 5) Kami tidak akan membayar sebarang manfaat di bawah Polisi ini bagi:
  - a) Sebarang keadaan, penyakit atau kecederaan jika terdapat sebarang manifestasi, gejala atau diagnosisnya sebelum Polisi ini berkuat kuasa atau apabila Polisi ini tidak berkuat kuasa;
  - b) Sebarang peristiwa yang berlaku sebelum Polisi ini berkuat kuasa atau apabila Polisi ini tidak berkuat kuasa; atau
  - c) Sebarang keadaan, penyakit, sakit, kecederaan atau peristiwa yang Hayat Yang Diinsuranskan pernah deritai sebelumnya.

*Nota:*

*Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk Dokumen Polisi untuk butir-butir lanjut tentang pengecualian utama di bawah polisi ini.*

ANDA SEHARUSNYA BERPUAS HATI BAHAWA POLISI INI AKAN MEMENUHI KEPERLUAN ANDA DENGAN SEBAIKNYA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS DENGAN TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT. ADALAH PENTING UNTUK ANDA MENYIMPAN SEMUA RESIT YANG ANDA TERIMA SEBAGAI BUKTI PEMBAYARAN PREMIUM

# » Lampiran

Kadar Premium Tahunan bagi PRULady (RM)				
Umur penyertaan Pada Tarikh Lahir Berikutnya	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3	Pelan 4
17	437	854	1,276	1,610
18	450	873	1,306	1,649
19	465	892	1,337	1,690
20	482	914	1,371	1,736
21	498	939	1,408	1,783
22	516	968	1,459	1,842
23	535	998	1,510	1,905
24	554	1,026	1,558	1,963
25	574	1,065	1,597	2,023
26	594	1,096	1,640	2,077
27	614	1,132	1,698	2,145
28	633	1,170	1,756	2,219
29	652	1,213	1,820	2,300
30	673	1,259	1,889	2,393
31	694	1,303	1,954	2,470
32	724	1,350	2,028	2,563
33	759	1,408	2,129	2,676
34	798	1,472	2,226	2,799
35	840	1,555	2,333	2,955
36	885	1,656	2,473	3,132
37	935	1,773	2,655	3,359
38	1,001	1,952	2,932	3,709
39	1,092	2,151	3,227	4,095
40	1,193	2,361	3,542	4,486
41	1,291	2,492	3,758	4,782
42	1,364	2,605	3,929	4,996
43	1,435	2,711	4,109	5,219
44	1,510	2,846	4,281	5,435
45	1,531	3,031	4,547	5,760

Nota:

Kadar Premium di atas adalah berdasarkan risiko standard dan secara pembayaran tahunan.

# » Nota Penting

- > **PRULady** bukannya produk patuh Syariah.
  - > Risalah ini hanya bagi tujuan penjelasan sahaja. Anda dinasihatkan supaya merujuk Lampiran Keterangan Produk dan Ilustrasi Jualan sebelum membeli sesuatu pelan, serta merujuk terma dan syarat dalam Dokumen Polisi untuk butir-butir mengenai ciri-ciri penting pelan itu.
  - > Anda hendaklah menaksir kemampuan bayar dan kesesuaian produk berkaitan dengan matlamat kewangan dan selera risiko anda. Untuk berbuat demikian, kami nasihatkan anda supaya berbincang dengan ejen atau Perancang Kewangan anda yang akan membuat analisis keperluan dan membantu anda membuat keputusan termaklum.
  - > Tempoh tinjauan percuma selama 15 hari selepas polisi diserahkan kepada anda untuk membolehkan anda mengkajinya semula bagi memastikan ia memenuhi keperluan anda. Jika polisi dibatalkan dalam tempoh ini, kami akan memulangkan wang kepada anda premium yang telah anda bayar, termasuk cukai (jika ada) tolak perbelanjaan perubatan (jika ada).
  - > Jika anda membatalkan polisi, anda mungkin tidak mendapat nilai penuh daripada amaun yang telah anda bayar. Apabila polisi diserahkan balik, pelan ini akan tamat.
  - > Tidak membayar premium boleh menyebabkan polisi ini luput.
  - > Kadar premium untuk perlindungan asas bagi Kematian/Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal (TPD) dan Manfaat Perubahan Hidup adalah dijamin. Walau bagaimanapun, kami berhak menyemak premium bagi manfaat lain jika pengalaman tuntutan sebenar adalah lebih buruk daripada jangkaan dengan memberi sekurang-kurangnya 90 hari notis terlebih dahulu sebelum ia berkesan pada ulang tahun polisi berikut. Apabila premium disemakkan semula, kami juga akan menyediakan anda dengan pilihan seperti di bawah:
    - (a) Anda boleh membayar premium yang sama tetapi Amaun Manfaat bagi semua manfaat akan dikurangkan; atau
    - (b) Anda boleh mengeluarkan Manfaat Penyakit Berkaitan Wanita, Manfaat Pemulihan, Manfaat Penjagaan Kehamilan dan Manfaat Penjagaan Bayi. Sekiranya anda membuat keputusan untuk mengambil pilihan ini, kita akan mengubah premium yang perlu dibayar dan Amaun Manfaat bagi Manfaat Bayaran Balik Wang.
- Sekiranya berlaku (a) atau (b) di atas, kami akan memaklumkan kepada anda perubahan dan membayar anda Nilai Serahan (jika ada) disebabkan oleh perubahan dalam Manfaat. Premium baru yang perlu dibayar, Manfaat dan Nilai Serahan (yang mana berkenaan) hendaklah berkuat kuasa pada Ulang Tahun Polisi yang akan datang dari tarikh kami menerima makluman anda.
- > Prudential Assurance Malaysia Berhad (PAMB) adalah sebuah syarikat insurans berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

## **Prudential Assurance Malaysia Berhad**

Ahli PIDM

Prudential Assurance Malaysia Berhad (PAMB) adalah ahli Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM). Sebagai ahli PIDM, sesetengah manfaat yang diinsuranskan di bawah polisi insurans yang ditawarkan oleh PAMB dilindungi daripada kerugian sebahagian atau kesemua manfaat insurans oleh PIDM, sekiranya ada kemungkinan berlaku kegagalan di pihak penanggung insurans yang menjadi ahlinya. Untuk butir-butir lanjut mengenai had dan skop perlindungan, sila dapatkan risalah maklumat PIDM daripada PAMB atau layari laman sesawang PIDM ([www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)) atau hubungi talian bebas tol PIDM (1-800-88-1266).







**Prudential Assurance Malaysia Berhad (107655-U)**

Level 20, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat,  
55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur, Malaysia

Tel: 03-2116 0228

Emel: [customer.mys@prudential.com.my](mailto:customer.mys@prudential.com.my)

**[www.prudential.com.my](http://www.prudential.com.my)**



**PRUDENTIAL**

Mendengar. Memahami. Melaksana.